

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]

SOALAN : Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk membantu petani di luar bandar khususnya kesan daripada kejatuhan harga komoditi dan jumlah petani di luar bandar yang terlibat dalam menyalurkan produk pertanian mereka dalam program Agrobazar di luar negara.

JAWAPAN :

Langkah-langkah yang diambil oleh FAMA bagi membantu petani/pengeluar daripada kesan kejatuhan harga adalah :-

- i. melalui pelaksanaan Program Pengukuhan Bekalan Ladang Kontrak Ke Pasaran (KUKUH) iaitu meramaikan lagi pengeluar yang menjual terus kepada pemasar di pasar tani dan seterusnya menjual pada harga yang berpatutan kepada pengguna kerana tanpa melalui orang tengah. Untuk tempoh Januari sehingga Ogos 2014 terdapat 662 pengeluar yang menjual kepada 148 orang pemasar di pasar-pasar tani di seluruh Negara dengan jualan sebanyak 2,410 MT bernilai RM4.72 juta.

- ii. melalui program Ladang Kontrak, perjanjian jual-beli antara FAMA dengan petani ditandatangani sebagai persetujuan bersama di mana petani ditawarkan dengan pilihan harga tetap atau harga pasaran. Untuk menjamin pendapatan yang munasabah kepada petani, harga tetap atau harga lantai yang ditawarkan adalah melebihi kos pengeluaran tanaman tersebut. FAMA amat menggalakkan petani menyertai program ini supaya mendapat manfaat jaminan pasaran. Sehingga tempoh Januari - 31 Ogos 2014, kuantiti bekalan yang telah dicapai adalah sebanyak 259,927 MT dengan nilai jualan berjumlah RM519 juta.
- iii. FAMA juga menggalakkan petani menjual terus hasil mereka ke outlet-outlet yang sedang beroperasi seperti Pasar Tani, Gerai Buah-buahan Segar, Agrobazaar Kedai rakyat dan lain-lain lagi. Dengan ini petani akan mendapat pulangan yang lebih tinggi.
- iv. FAMA juga telah menyediakan pusat memproses bagi buah-buahan seperti durian di Jerantut dan Batu Kurau.

Berdasarkan keperluan kuantiti semasa di Agrobazaar, seramai 17 orang pengeluar telah terlibat secara langsung membekalkan buah-buahan ke Singapura dengan anggaran keperluan 15MT sebulan. Bilangan petani yang terlibat akan meningkat apabila lebih banyak produk baru ditawarkan mengikut jadual pengeluaran mereka untuk memenuhi keperluan sepanjang tahun. Bilangan ini juga akan meningkat apabila usaha-usaha pengedaran ke outlet-outlet lain di Singapura mula dilaksanakan oleh Agrobazaar.